

10 DEC 1999

Profil-Hishammuddin

BINTANG BARU KINI MENTERI BELIA DAN SUKAN

KUALA LUMPUR, 10 Dis (Bernama) -- Dalam tempoh hanya tujuh tahun terlibat aktif dalam arus perdana politik tanah air, Datuk Hishammuddin Tun Hussein sudahpun menjadi seorang menteri penuh.

Daripada jawatan Timbalan Menteri Perusahaan Utama, peguam berusia 38 tahun ini, dinaikkan pangkat sebagai Menteri Belia dan Sukan dalam barisan Kabinet yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Anak lelaki bekas Perdana Menteri, allahyarham Tun Hussein Onn, Hishammuddin dilihat sebagai angkatan baru ahli politik Melayu yang turut berminat dalam politik antarabangsa.

Beliau mewarisi perjuangan Umno kerana datuknya, allahyarham Datuk Onn Jaafar adalah pengasas parti itu dan bapanya merupakan Ketua Pemuda Umno pertama yang kemudian menjadi presiden parti dan perdana menteri.

Peningkatan mendadak Hishammuddin dalam barisan Pemuda Umno tidak kurang hebatnya.

Kerjaya politiknya bermula pada 1993 sebagai Ketua Pemuda Umno Ledang sebelum menjadi Ketua Pemuda Tenggara. Hishammuddin atau panggilan mesranya Hisham melonjak naik apabila dipilih sebagai seorang anggota exco Pemuda Umno dengan undi terbanyak.

Pada 1995 beliau menjadi Ketua Pemuda Johor dan kemudiannya dilantik Ketua Penerangan Umno Johor dan kini mengetuai bahagian Tenggara. Pada 1996, beliau dipilih Timbalan Ketua Pemuda Umno dalam cubaan pertamanya.

Hishammuddin kini ialah Pemangku Ketua Pemuda Umno. Beliau mengambil alih jawatan itu pada Oktober tahun lepas apabila Ketua Pemuda ketika itu Datuk Ahmad Zahid Hamidi berundur semasa krisis melibatkan bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim sedang memuncak.

Dalam penggal pertamanya sebagai Anggota Parlimen pada 1995, beliau dilantik Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, dan dua tahun kemudian dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Menteri Perusahaan Utama.

Beliau mengekalkan kerusi Parlimen Tenggara dalam pilihan raya umum 29 Nov lepas.

Hishammuddin berkahwin dengan Tengku Marsilla Tengku Abu Bakar dan mereka dikurniakan tiga orang anak.

-- BERNAMA

HS RHM MAI